



PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG

IKLAN JAWATAN

Warganegara Malaysia yang berkeelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut dan keutamaan adalah diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

1. (a) **JAWATAN** : **PEMBANTU TADBIR, (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N1**
(b) **KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
2. **GAJI BULANAN** : **RM1,915.00** (tidak termasuk potongan KWSP dan PERKESO)
3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
(Keutamaan Rakyat Negeri Pahang)
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Calon yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang perakaunan/kewangan atau khidmat pelanggan akan diberikan keutamaan.
 - (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. **TARAF JAWATAN** : **CONTRACT FOR SERVICE (CFS)**
6. **PENEMPATAN** : **IBU PEJABAT**
7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **19 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT)**

CARA MEMOHON

- (i) Permohonan hendaklah dibuat secara talian di laman sesawang Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang di pautan **<http://jawatan.pkpp.gov.my>** mulai **28 Ogos 2025** hingga **19 September 2025**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- (i) Tidak lengkap;
- (ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- (iii) Permohonan diterima selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (iii) Segala perbelanjaan untuk menghadiri temu duga tidak ditanggung oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang.